

Pengurusan Kewangan dan Pembangunan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Perakaunan  
Universiti Awam  
(*Financial Management and Entrepreneurship Development among Accounting Universities Students*)

NOOR LELA AHMAD\* & NADIAH FARHANAH MOHD FAZIL

ABSTRAK

Pengurusan kewangan merupakan isu penting yang hangat diperdebatkan ketika ini sebagai salah satu usaha kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara dan modal insan. Ilmu dalam kewangan dilihat sebagai keupayaan individu menggunakan pengetahuan serta kemahiran bagi menguruskan sumber kewangan dengan berkesan bagi mencapai kesejahteraan kewangan sepanjang hayat. Manakala keusahawanan dilihat sebagai salah satu pemangkin kepada pembangunan negara dan memerlukan belia sebagai penerajunya. Artikel ini bertujuan meneliti isu pengurusan kewangan dan kepentingannya sebagai pemangkin pembangunan keupayaan keusahawanan di kalangan mahasiswa universiti awam. Kajian menggunakan instrumen soal selidik bagi mengumpul data yang melibatkan 238 orang mahasiswa dari empat buah universiti awam di Malaysia. Responden kajian terdiri daripada mahasiswa tahun akhir dari jurusan perakaunan dari fakulti pengurusan universiti berkaitan. Instrumen kajian terbahagi kepada 3 bahagian yang diadaptasi dan diubahsuai dari Two-Dimensional Model oleh Media Research Consultants Pte Ltd (OECD, 2005) dan kajian lepas berdasarkan soalan kajian yang dikaji. Analisis statistik deskriptif (min dan frekuensi) dan inferensi Korelasi Pearson digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Dapatan menunjukkan kemahiran pengurusan kewangan mahasiswa berada pada tahap sederhana ( $M=3.70$ ). Walaubagaimanapun, tahap keupayaan keusahawanan mahasiswa berada pada aras tinggi ( $M=3.96$ ). Kemahiran pengurusan kewangan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembangunan keusahawanan mahasiswa ( $r=0.594$ ,  $p<0.05$ ). Mahasiswa berpandangan bahawa pengurusan kewangan merupakan satu kriteria penting yang dapat membantu meningkatkan keupayaan kemahiran keusahawanan terutama dalam aspek kewangan, pengurusan dan pemasaran. Kajian mencadangkan sistem pendidikan di Malaysia memberi penekanan kepada pementapan amalan pengurusan kewangan yang baik melalui penganjuran program, latihan dan kursus yang dijalankan di pusat pengajian supaya mahasiswa dapat meningkatkan keupayaan keusahawanan sekaligus memiliki kesejahteraan kewangan.

Kata kunci: mahasiswa, keusahawanan, pengurusan kewangan, perakaunan

ABSTRACT

*Financial management is an important issue and highly debated as one of the government effort in developing economy and human capital of the nation. Knowledge in finance is seen as the ability of individuals to use the information and skills to effectively manage financial resources in order to achieve financial well being. Meanwhile entrepreneurship is seen as one of the catalysts for national development and requires youth as its implementer. This article aims to discuss the issue of financial management and its significant towards entrepreneurship development among universities students. The study used questionnaires to collect data involving 238 respondents from four public universities in Malaysia. The respondents consisted of final year accounting students from the faculty of management from selected universities. Research instrument consisted of three sections adapted and modified from Two-Dimensional Model by Media Research Consultants Pte Ltd (OECD, 2005) and previous studies according to research needs. Descriptive statistical analysis (mean and frequency) and inferential analysis namely Pearson Correlation were employed to answer the research questions. The findings indicated that student's financial management skills are at moderate level ( $M=3.70$ ). Student's entrepreneurial skills are at high level ( $M=3.96$ ). There is a significant association between financial management skills with students' entrepreneurship development ( $Sig=0.594$ ,  $p<0.05$ ). Students believed that financial management act as an important criterion to enhance entrepreneurial skills in financial, management and marketing aspects. In addition, this study suggests*

*that Malaysia educational system need to emphasize on financial management through the programs, training and courses conducted in higher education institutions to enhance entrepreneurial capabilities among students as well as to have good financial well-being.*

*Keywords: Student, entrepreneurship, financial management, accounting*

## PENGENALAN

Pengetahuan kewangan menjadi satu keperluan sosial dan ekonomi pada abad ini serta mendapat tumpuan hebat daripada pengguna, pakar, agensi kerajaan dan pembuat polisi (Huston, 2010). Malaysia, sebagai sebuah negara yang sedang berkembang maju ke arah negara yang berpendapatan tinggi, keperluan dan perbelanjaan para pengguna turut bertambah dalam setiap fasa kehidupan. Statistik literasi kewangan di Malaysia turut menunjukkan angka yang membimbangkan di mana tahap literasi kewangan pengguna dan masyarakatnya berada pada kedudukan yang rendah (AKPK, 2016). Perkara ini mengisyaratkan bahawa pengguna memerlukan pendidikan tentang kewangan yang lebih mendalam, pengetahuan yang baik dan perancangan yang rapi dalam membuat keputusan yang melibatkan perbelanjaan kewangan mereka (Huseyin, 2011; Albeerdy & Gharleghi, 2015). Sebahagian masyarakat berpandangan bahawa literasi kewangan merupakan satu keperluan kerana ia mampu untuk meningkatkan kemahiran pengurusan kewangan dan ekonomi rakyat serta usahawan (Huseyin, 2011; Plakalovic, 2012). Dengan peningkatan taraf hidup, pendidikan kewangan yang sesuai perlu dipertimbangkan semula sebagai satu ciri keselamatan untuk kesejahteraan kewangan masyarakat.

Sehubungan itu, mahasiswa yang bakal menjadi pemimpin negara di masa hadapan seharusnya melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran berhubung dengan perancangan kewangan, rekod kewangan, simpanan, pelaburan, persaraan, nilai masa wang, wasiat, insurans, pinjaman pendidikan dan pengetahuan am mengenai pengurusan kewangan peribadi (Garman & Fogue, 2010; Bartley, 2011). Hal yang demikian membolehkan mereka membuat keputusan kewangan dengan lebih bijak berdasarkan kepada maklumat yang diterima supaya mampu menjalani kehidupan yang baik tanpa menghadapi masalah kewangan. Menurut Noor Azizah et al., (2013), kebanyakan pelajar mengalami pengalaman pertama dalam membuat keputusan mengenai perbelanjaan mereka adalah ketika menjadi mahasiswa di universiti. Justeru, berkemungkinan besar bagi para pelajar mengalami pelbagai cabaran

dalam menguruskan kewangan mereka (Chinen & Endo, 2012; Dahlia et al., 2009). Kajian Sabri & McDonald (2008) mendapati mahasiswa di Malaysia tidak mampu membelanjakan wang simpanan dengan bijak sebaik menerima biasiswa atau pinjaman sebaliknya berbelanja untuk hal tidak berkaitan dengan pendidikan mereka. Perkara ini membuktikan bahawa pengetahuan kewangan adalah aspek yang perlu diambil berat terutamanya dalam kalangan mahasiswa pengajian tinggi bagi membolehkan negara melahirkan modal insan yang celik kewangan (Barodich et al., 2010; Cole et al., 2014). Maka sangat penting bagi setiap pelajar untuk mempunyai keupayaan dan pengetahuan dalam menguruskan kewangan peribadi (Chinen & Endo, 2012; Mohamad Fazli & Teo, 2014).

Tahap literasi kewangan yang berbeza memberi kesan kepada tingkah laku pembuatan keputusan oleh pengguna. Menurut Cole et al., (2014) dan Lusardi & Tufano (2008), keupayaan dalam literasi kewangan mampu untuk meningkatkan kebolehan seseorang untuk berjaya mengendalikan aspek kewangan yang meragukan dan subjektif dalam membuat keputusan kewangan dengan cara yang berpengetahuan, mahir dan beryakinan. Memiliki pengetahuan kewangan yang baik mampu meningkatkan kebolehan individu untuk membuat pertimbangan yang wajar dan mengambil keputusan efektif berkaitan dengan penggunaan dan pengurusan wang (Albeerdy & Gharleghi, 2015; van Rooij et al., 2011). Selanjutnya, kesejahteraan ekonomi akan dapat dicapai dan membawa kesan positif terhadap keputusan kewangan yang akan diambil. Menurut Rubayah et al., (2015) pengetahuan kewangan mempengaruhi pembuatan keputusan pengguna dan keputusan isi rumah. Perkara ini turut dijelaskan oleh Atkinson dan Messy (2012) bahawa literasi kewangan boleh mempengaruhi pembuatan keputusan kewangan penting termasuklah pengurusan hutang. Selain itu, keputusan untuk menabung, meminjam serta pelaburan (van Rooij et al., 2011) dan keputusan pembiayaan (Chatterjee, 2013) turut memerlukan pengetahuan kewangan yang mencukupi.

Sehubungan itu, laporan OECD (2005) menyarankan tindakan dimana pengguna kewangan meningkatkan pemahaman mereka terhadap produk kewangan, konsep dan risiko kewangan yang dihadapi.

Tindakan ini diambil supaya pengguna lebih sedar dan peka tentang peluang dan risiko kewangan bagi membolehkan mereka membuat pilihan berdasarkan maklumat, tahu dimana untuk mendapatkan bantuan dan mengambil tindakan efektif untuk meningkatkan pembangunan kewangan (Remund, 2010; Agarwalla et al., 2013). Selaras dengan ini, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menunjukkan keprihatinan terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para pengguna khususnya mahasiswa universiti dengan menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK, 2016). Objektif penubuhan AKPK adalah untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan pendidikan yang dirangka khas untuk membantu para pelajar supaya dapat mengawal kedudukan mereka dengan baik (AKPK, 2018).

Selain itu, di Malaysia ketika ini fokus pembangunan pelajar turut diberi dalam aspek keusahawanan. Dalam tempoh 20 tahun kebelakangan ini memperlihatkan peningkatan positif jumlah usahawan yang berjaya di dalam perniagaan dan sebahagian mereka berumur kurang dari 18 tahun (Klapper, Lusardi dan Panos, 2015). Kemahiran pengurusan kewangan dilihat sebagai amat penting dimiliki oleh usahawan dan membantu kepada kestabilan kewangan dan memberi kesan kepada produktiviti dan perkembangan perniagaan (Sucuahi, 2013). Keusahawanan merupakan salah satu aset penting negara disamping membantu memperkukuh ekonomi melalui aktiviti perniagaan yang dijalankan. Sehubungan itu, kerajaan Malaysia perlu memberi galakan kepada golongan pelajar untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan bagi menyumbang kepada pembangunan negara. Oleh itu, kajian mencadangkan bahawa pengukuhan terhadap pengetahuan kewangan dilihat sebagai satu cetusan kepada pementapan pengurusan kewangan dan membantu kepada pembangunan modal insan seperti pembangunan keusahawanan. Secara khususnya tujuan kajian ini adalah untuk meneroka persoalan kajian berikut:

- i. 1. Apakah tahap kemahiran pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi awam?
- ii. 2. Apakah tahap keupayaan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi awam?
- iii. 3. Adakah terdapat hubungan antara kemahiran pengurusan kewangan dengan keupayaan keusahawanan di kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi awam

## PENGUKUHAN KEUPAYAAN KEUSAHAWANAN MENERUSI PEMANTAPAN PENGURUSAN KEWANGAN

Industri perkhidmatan kewangan telah berkembang pesat serta turut memperkenalkan pelbagai produk baru dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan pengguna. Dalam hal ini, pakar-pakar kewangan telah menyedari kepentingan kewangan kepada pengguna dan memahami bahawa ilmu dan pengetahuan asas kewangan merupakan kunci kepada keselamatan kewangan moden di masa hadapan (ANZ, 2008; Mandell & Klein, 2009; Bucher-Koenen et al., 2016). Setiap individu mempunyai tanggungjawab dalam menguruskan kewangan mereka sendiri senada dengan perkembangan terkini dunia global yang memperlihatkan masyarakat lebih berminat kepada instrumen kewangan (Akca et al., 2018). Sebagai contoh melalui pengenalan pelbagai instrumen kewangan yang rencam bagi tujuan pinjaman dan simpanan menyebabkan pasaran kewangan menjadi semakin kompleks dan berisiko (van Rooij et al., 2009). Dengan ini, memiliki pengetahuan kewangan yang mencukupi menjadi salah satu elemen penting dalam pembuatan keputusan yang bijak oleh pengguna (Albeurdy & Gharleghi, 2015). Antara faktor yang mempengaruhi pengetahuan dan kekuatan pengurusan kewangan adalah menerusi pencapaian pendidikan dan keupayaan kognitif individu yang merupakan media penentu utama dalam pengurusan kewangan yang baik (Bartley, 2011; Plakalovic, 2012).

Pengetahuan kewangan mengandungi pengetahuan tentang fakta, konsep, prinsip dan alat-alat teknologi yang merupakan asas kepada penjana wang dan simpanan seperti yang dijelaskan oleh Garman dan Fogue (2010). Laporan *JumpStart Coalition Survey* (2007) menyatakan bahawa pengetahuan kewangan merupakan satu keupayaan untuk menguruskan sumber kewangan seseorang dengan berkesan bagi kesejahteraan kewangan sepanjang hayat. Perkara ini membuktikan pendidikan kewangan merupakan ilmu yang sangat penting kepada pengguna bagi membezakan pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan, pembekal dan produk sebagai cara untuk mencapai keselamatan kewangan (Wagland & Taylor, 2009). Sebagai tindak balas, dari sudut keselamatan pengguna, pengetahuan kewangan menjadi satu garis panduan kepada seseorang individu yang ingin menguruskan kewangan dengan baik (Neck & Greene, 2011). Ramai pengkaji membuktikan bahawa literasi kewangan boleh mempengaruhi pembuatan keputusan kewangan penting termasuklah pengurusan hutang (Brown & Graf, 2013; Bernheim, 1998), keputusan untuk menabung,

meminjam serta pelaburan (van Rooij et al., 2011) dan keputusan pembiayaan (Chaterjee, 2013). Dapat ditekan di sini bahawa literasi kewangan merupakan satu isu yang perlu diambil berat terutamanya di kalangan pelajar bagi membolehkan negara melahirkan modal insan yang celik kewangan. Ini membawa kepada kesejahteraan ekonomi seseorang serta mampu mengurangkan kesan negatif atas keputusan kewangan yang mungkin mengambil masa bertahun-tahun untuk mengatasinya (Gallery et al., 2011).

Walaupun Malaysia dikategorikan sebagai sebuah negara membangun, namun Malaysia masih tersenarai sebagai salah satu negara di mana tahap pengetahuan kewangan masyarakatnya pada kedudukan yang rendah terutama di kalangan belia, pelajar dan golongan berpendapatan rendah (Dahlia et al., 2009). Kajian di kalangan pelajar universiti mendapati pelajar dari program sarjana muda mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah (Dahlia et al., 2009). Kajian tersebut mendapati bahawa sebahagian pelajar universiti menghabiskan wang biasiswa atau pinjaman yang diterima sebelum semester berakhir. Malahan yang lebih membimbangkan lagi mereka turut menggunakan sebahagian daripada wang bagi tujuan membayar hutang (Rubayah et al., 2015). Kesan kelemahan kemahiran pengurusan kewangan ini boleh membawa kepada amalan pengurusan kewangan peribadi yang lemah dan turut memberi kesan kepada produktiviti (Hira & Loibl, 2005). Kajian mendapati kelemahan ini berpunca kerana kurangnya pendedahan kemahiran menguruskan pendapatan secara berkesan semasa pengajian di peringkat kolej dan universiti (Ahsan, 2013; Ahmad & Mohd Rhouse, 2016).

Sebaliknya penekanan semasa pengajian di universiti lebih tertumpu terhadap pengetahuan teknikal dan kemahiran untuk mendapatkan pekerjaan dalam persekitaran kerjaya (Ahmad & Mohd Rhouse, 2016). Maka, pelajar tidak mempersiapkan diri untuk membuat simpanan di masa hadapan dalam menghadapi kemelut kewangan di alam pekerjaan yang mencabar seiring dengan peningkatan kos sara hidup yang mana ia lebih tinggi berbanding sewaktu menjalani pengajian di universiti (Rubayah et al., 2015). Universiti atau pusat pengajian tinggi merupakan pusat pembelajaran di mana kebanyakan pelajar mengalami pengalaman pertama dalam membuat keputusan mengenai perbelanjaan mereka sendiri (Noor Azizah et al., 2013). Dengan itu, berkemungkinan pelajar menghadapi pelbagai cabaran yang sukar dalam menguruskan kewangan mereka sendiri terutama di kalangan pelajar dari keluarga yang berpendapatan rendah (Mohamad Fazli, 2011). Oleh itu, perlunya setiap pelajar diberikan pendedahan berkaitan kewangan supaya mereka mempunyai keupayaan dan

pengetahuan dalam menguruskan kewangan peribadi dengan baik bagi mencapai kesejahteraan kewangan (Mohamad Fazli & Teo 2014).

Selain itu, dalam konteks kesejahteraan masa hadapan, keusahawanan turut menjadi fokus kepada pembangunan pelajar (Ahmad et al., 2019). Voda dan Florea (2019) menjelaskan keusahawanan menjadi sumber kepada penjana ekonomi masyarakat dan negara. Pelbagai perubahan dan perkembangan bakal berlaku dalam bidang keusahawanan. Keusahawanan membina jambatan antara tahap keupayaan membeli masyarakat dengan penawaran produk di pasaran untuk kegunaan pengguna (Oseifuah, 2010; Suparno & Saptono, 2018). Oleh itu, pelbagai usaha seperti program, latihan dan bengkel perlu dilakukan oleh pihak berkuasa untuk memupuk dan meningkatkan elemen keusahawanan di kalangan pelajar bagi melahirkan usahawan yang kompetitif (Zaidatol & Habibah, 2004).

Studdard et al., (2013) menghuraikan ciri-ciri peranan terpenting usahawan adalah sebagai penyedia barangan dan perkhidmatan yang mampu dibeli oleh pengguna dan pada masa yang sama menyediakan peluang pekerjaan yang besar. Usahawan secara signifikan turut menyumbang kepada aktiviti ekonomi dalam negara (Wise, 2013; Voda & Florea, 2019). Peranan penting yang dimainkan oleh usahawan boleh dipupuk dengan baik dan dijaga menerusi pengurusan kewangan yang baik dan tepat. Brown, Berman, Saunders dan Bereford (2006) menjelaskan bahawa prinsip-prinsip am sebuah perniagaan yang baik adalah melalui kekuatan pengurusan kewangan pemiliknya. Perniagaan yang baik akan mengarah kepada persaingan sihat dalam komuniti global (Borodich et al., 2010). Kelemahan literasi kewangan dan pengurusan kewangan seperti yang ditegaskan oleh Habib (2015) akan menyumbang kepada kegagalan dan penutupan perniagaan. Oleh itu, asas kewangan yang baik perlu dimiliki di kalangan usahawan dan menjadi pengukur yang signifikan terhadap kejayaan dan perkembangan perniagaan dalam persekitaran ekonomi yang kompetitif (Habib, 2015; Al Mamun et al., 2016). Justeru, pemilikan kemahiran pengurusan kewangan yang lemah dan pengetahuan kewangan yang rendah di kalangan usahawan akan memberi kesan yang negatif kepada perniagaan.


Krisis kewangan, peningkatan kadar hutang yang tinggi di kalangan generasi muda, kadar muffis isi rumah membuktikan tentang keperluan kajian berkaitan pengurusan kewangan. Badan seperti European Commission (EC) dan OECD (2005) menegaskan akan kepentingan untuk meningkatkan pengetahuan kewangan di kalangan generasi muda.

Oleh itu, isu ini menunjukkan bahawa pemahaman, penilaian dan kajian berkenaan literasi kewangan dan pengurusan kewangan di kalangan mahasiswa adalah sangat penting bagi memahami kesan pendidikan yang diperolehi semasa di pusat pengajian tinggi. Pemantapan pengetahuan kewangan dilihat sebagai pemangkin kepada peningkatan kemahiran pengurusan kewangan dan selanjutnya mengukuhkan keupayaan keusahawanan di kalangan mahasiswa. Pengurusan kewangan peribadi yang baik akan meningkatkan kebajikan pelajar menerusi pembuatan keputusan yang tepat dan membantu kehidupan kewangan mereka di masa hadapan (*US House Representative and Financial Services, 2009; Jump\$tart Coalition Survey, 2007*). Walaupun terdapat banyak kajian-kajian lepas yang mengkaji isu pengurusan kewangan namun kajian yang memberi fokus terhadap kaitan antara pengurusan dan pembangunan keusahawanan masih terlalu kurang. Selaras dengan ini, berdasarkan kepada kepentingan pengurusan kewangan terhadap generasi muda, kajian ini bertujuan mengkaji tahap pengurusan kewangan dan

keupayaan keusahawanan dikalangan mahasiswa dan mengkaji kaitan antara pengurusan kewangan dengan pembangunan keupayaan keusahawanan.

#### KERANGKA KONSEPTUAL/TEORITIKAL KAJIAN

Model kerangka konseptual kajian (Rajah 1) di bawah telah diadaptasi serta diubahsuai daripada kajian Mohd Fazli dan Teo (2014), OECD (2005) dan Zaidatul Akmaliah dan Habibah (2004) mengikut keperluan dan persoalan kajian ini. Berdasarkan kepada kerangka konseptual kajian yang dibina, kajian bertujuan meneroka tahap pengurusan kewangan dari aspek perbelanjaan, pelaburan dan simpanan selanjutnya menguji hubungan antara kemahiran pengurusan kewangan dengan keupayaan keusahawanan dari konteks kewangan, pengurusan dan pemasaran di kalangan mahasiswa perakaunan yang berada di tahun akhir pengajian di universiti awam.



RAJAH 1. Model kerangka konseptual kajian

#### METODOLOGI

##### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk kajian tinjauan deskriptif yang menggunakan soal selidik bagi mengumpul data. Kelebihan kajian tinjauan adalah ia lebih menyeluruh berkaitan permasalahan yang dikaji, pengumpulan data yang cepat, penggunaan saiz sampel yang besar, maklumat dipungut secara terus daripada responden dalam masa singkat dan mampu membuat generalisasi bagi sesuatu populasi kajian (Prabhat dan Meenu, 2015). Metodologi kajian ini telah melalui prosedur etika

penyelidikan universiti seterusnya instrumen kajian telah mendapat kebenaran jawatankuasa etika universiti untuk digunakan bagi mengumpul data.

##### Sampel Kajian

Pemilihan sampel dilakukan oleh pengkaji menggunakan teknik pensampelan bertujuan bagi menjawab persoalan kajian (Zikmund et al., 2013). Sampel kajian terdiri daripada 238 orang pelajar ijazah sarjana muda tahun ketiga dan keempat jurusan perakaunan dari empat buah IPTA yang terpilih. Pemilihan pelajar dari tahun akhir dan dari bidang perakaunan ini adalah kerana

menerusi kajian Chinen dan Endo (2012) pelajar senior dari jurusan pengurusan lebih banyak mengikuti kursus dalam bidang kewangan berbanding pelajar dari jurusan bukan pengurusan. Kesemua responden yang terlibat telah bersetuju untuk menjadi sampel kajian menerusi pengesahan dalam borang yang diedarkan bersama soal selidik. Data serta maklumat peribadi responden adalah sulit dan hanya digunakan untuk kajian ini sahaja.

Latarbelakang pelajar dipaparkan menerusi Jadual 1. Dapatan menunjukkan seramai 81.5% responden merupakan mahasiswa wanita. Seramai

52.5% merupakan mahasiswa dari tahun tiga dan 47.5% dari mahasiswa tahun empat. Responden kajian terdiri dari kalangan mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (23.1%), Universiti Utara Malaysia (18.5%), Universiti Teknologi Mara (42.9%) dan Universiti Sains Malaysia (15.5%). Seramai 71.4% responden pernah menghadiri kursus berkaitan keusahawanan, 40.3% responden pernah menghadiri kursus berkaitan kewangan dan seramai 97.5% responden bersetuju bahawa literasi kewangan adalah sumber ilmu yang penting kepada mereka.

JADUAL 1. Pembolchubah Demografi Mahasiswa Universiti Awam

Kategori Demografi	Bilangan (n)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	44	18.5
Perempuan	194	81.5
Tahun Pengajian		
Tahun 3	125	52.5
Tahun 4	113	47.5
Universiti		
Universiti Pendidikan Sultan Idris	55	23.1
Universiti Utara Malaysia	44	18.5
Universiti Teknologi Mara	102	42.9
Universiti Sains Malaysia	37	15.5
Pernah Hadiri Kursus Keusahawanan		
Ya	170	71.4
Tidak	68	28.6
Adakah Literasi Kewangan Penting?		
Ya	232	97.5
Tidak	4	1.7
Pernah Hadiri Kursus Berkaitan Kewangan		
Ya	96	40.3
Tidak	142	59.6

#### Kaedah Pengumpulan Data

Instrumen soal selidik digunakan untuk mengutip data-data penyelidikan bagi menjawab persoalan kajian (Zikmund et al., 2013; Pallant, 2013). Instrumen kajian terbahagi kepada 3 bahagian, bahagian A meliputi maklumat berkaitan demografi sampel, bahagian B terdiri daripada kontruks pengurusan kewangan

manakala bahagian C terdiri daripada 3 kontruk item keupayaan keusahawanan iaitu pengurusan, kewangan dan pemasaran. Instrumen kajian diadaptasi dan diubahsuai dari *Two-Dimensional Model* oleh Media Research Consultants Pte Ltd (OECD, 2005) dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian (Mohammad Fazli & Teo, 2014; Zaidatol & Habibah, 2004). Kajian ini menggunakan Skala Likert 5 pilihan iaitu melibatkan

skala 5 = Sangat Setuju, 4= Setuju, 3=Neutral, 2= Kurang Setuju, dan 1= Sangat Tidak Setuju untuk mengukur persetujuan pelajar berkaitan kemahiran pengurusan kewangan dari aspek perbelanjaan, pelaburan dan simpanan dan keupayaan keusahawanan dari dimensi kewangan, pengurusan dan pemasaran.

Skor min 1 hingga 2.39 menunjukkan

interpretasi yang rendah, manakala skor min 2.40 hingga 3.70 menggambarkan interpretasi yang sederhana dan skor min 3.71 hingga 5 menunjukkan interpretasi yang tinggi. Skor min yang tinggi menunjukkan tahap kemahiran pengurusan kewangan yang baik dalam kalangan mahasiswa.

JADUAL 2. Interpretasi Skor Min Skala Likert 5 Mata

Skor Min	Tahap Kemahiran
1.00 – 2.39	Rendah
2.40 – 3.70	Sederhana
3.71 – 5.00	Tinggi

Sumber: Neuman (2012)

Kesahan instrumen kajian dilakukan untuk menambah baik pembinaan item-item dengan mendapatkan kesahan pakar daripada tiga orang pakar akademik iaitu dua orang pensyarah kanan bidang perakaunan dari Universiti Utara Malaysia dan seorang dari Universiti Sains Malaysia. Kajian rintis telah dijalankan terhadap 30 orang responden yang terdiri daripada pelajar tahun tiga program perakaunan sebuah universiti awam. Hasil ujian *Cronbach Alpha* memaparkan bacaan  $\alpha=0.882$  yang menunjukkan bahawa tahap kebolehpercayaan item adalah baik dan boleh dipercayai.

#### KAEDAH ANALISIS DATA

Analisis statistik deskriptif yang melibatkan ujian min, frekuensi dan sisihan piawai digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Analisis inferensi menerusi analisis Korelasi Pearson digunakan bagi melihat hubungan antara dua pembolehubah kajian. Menerusi item-item soal selidik yang digunakan, penyelidik dapat meninjau sikap, kepercayaan, persepsi dan tingkah laku bagi kumpulan sasaran yang diselidiki (Newman, 2012; Sreejesh, Mohapatra & Anusree, 2014).

#### DAPATAN KAJIAN

##### Amalan Pengurusan Kewangan Mahasiswa

Analisis dilakukan berdasarkan penilaian pelajar terhadap amalan pengurusan kewangan yang meliputi 16 item soalan dari aspek perbelanjaan, pelaburan dan simpanan yang dilakukan oleh mereka. Kajian mendapati terdapat sepuluh item yang mendapat

skor min pada tahap tinggi yang menunjukkan kemahiran pengurusan kewangan responden pada aspek ini adalah tinggi. Item-item yang berada pada tahap kemahiran yang tinggi terdiri daripada item 1, 2, 6, 7, 9, 10, 13, 14, 15 dan 16. Manakala terdapat enam item berada pada tahap sederhana dan tiada item yang mendapat skor min yang rendah. Dapatan keseluruhan menunjukkan mahasiswa IPTA dalam kajian ini mempunyai kemahiran pengurusan kewangan pada tahap sederhana ( $m=3.69$ ) seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 3.

##### Keupayaan Keusahawanan Mahasiswa

Kajian mendapati majoriti responden menilai kesemua empat belas (14) item berada di tahap tinggi yang menunjukkan kesemua item keupayaan keusahawanan akan dapat dicapai sekiranya usahawan mengamalkan pengurusan kewangan yang baik. Jadual 4 memaparkan keupayaan keusahawanan yang mampu dimiliki mahasiswa apabila memiliki amalan pengurusan kewangan yang baik. Keupayaan keusahawanan dilihat dari aspek kewangan, pengurusan dan pemasaran. Mahasiswa menyatakan lima keupayaan tertinggi yang boleh dikecapi oleh usahawan adalah 'memberi kemahiran dalam mengira untung kasar dan bersih' (min, 4.37), 'memberi kemahiran dalam mengemaskini rekod kewangan' (min, 4.17), 'memberi kemahiran dalam mengurus kewangan' (min, 4.08), 'memberi kemahiran untuk menyediakan rekod pendapatan dan perbelanjaan harian' (min, 4.04) dan 'memberi kemahiran untuk menyediakan belanjawan' (min, 4.04). Dapatan ini memaparkan bahawa mahasiswa melihat kemahiran usahawan dari aspek kewangan, pengurusan dan pemasaran adalah penting untuk dimiliki.

JADUAL 3. Kemahiran Pengurusan Kewangan Mahasiswa

Item	Soalan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya menyenaraikan barang yang hendak dibeli	3.93	0.94	Tinggi
2	Saya berbelanja pada perkara yang penting dan mengikut keperluan.	3.84	0.81	Tinggi
3	Saya mendahulukan perbelanjaan akademik (buku, alat tulis dll) diikuti perbelanjaan peribadi.	3.64	0.96	Sederhana
4	Saya mengutamakan perbelanjaan mengikut minat/kesukaan	3.55	0.96	Sederhana
5	Saya berbelanja tanpa mengira keperluan atau pun kehendak.	2.62	1.05	Sederhana
6	Sebelum berbelanja pada sesuatu perkara, saya akan mengenal pasti dahulu keutamaan untuk saya berbelanja.	4.01	0.72	Tinggi
7	Saya menyemak baki wang yang ada di tangan dan di dalam akaun saya sebelum dan selepas berbelanja.	4.28	0.74	Tinggi
8	Saya berbelanja tanpa melihat tahap kemampuan dalam	2.54	1.25	Sederhana
9	berbelanja Saya mendapatkan maklumat awal bagi sesuatu barangan sebelum membuat pembelian.	3.97	0.81	Tinggi
10	Saya membuat perbandingan harga sebelum membeli sesuatu barangan.	4.21	0.72	Tinggi
11	Saya tidak membuat pembelian yang banyak sewaktu jualan murah	3.18	1.07	Sederhana
12	Saya tidak membelanjakan wang yang terlalu banyak hanya untuk tujuan bersosial.	3.57	1.01	Sederhana
13	Saya akan membeli insurans hayat untuk masa depan yang lebih baik.	3.78	0.88	Tinggi
14	Saya lebih gemar menyelesaikan segala hutang dengan segera.	4.26	0.81	Tinggi
15	Saya membayar bil tepat pada masanya.	3.96	0.80	Tinggi
16	Saya tidak membeli sesuatu barangan untuk menarik perhatian orang lain.	3.91	0.94	Tinggi
Keseluruhan		3.69	0.81	Sederhana

Jadual 5 di bawah memaparkan susunan min tertinggi mengikut lima (5) keupayaan keusahawan yang boleh dimiliki oleh usahawan. Daripada empat belas keupayaan keusahawanan yang tersenarai, lima keupayaan tertinggi yang boleh dikecapi oleh usahawan sekiranya memiliki kemahiran pengurusan kewangan yang baik.

Berikutnya, paparan di Jadual 6 mempamerkan analisis data secara inferensi telah dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara kemahiran pengurusan kewangan dan keupayaan keusahawanan di kalangan

mahasiswa IPTA di Malaysia. Nilai pekali korelasi Pearson ( $r$ ) bagi kemahiran pengurusan kewangan dan keupayaan keusahawanan iaitu nilai  $r=0.594$  dan paras signifikan  $p=0.03$  iaitu kurang daripada 0.05. Dengan itu menunjukkan bahawa kemahiran pengurusan kewangan berhubungan signifikan dengan keupayaan keusahawanan mahasiswa. Nilai kolerasi  $r = 0.594$  mempunyai tahap kolerasi yang sederhana iaitu menunjukkan hubungan yang positif antara kemahiran pengurusan kewangan dan keupayaan keusahawanan.



JADUAL 4. Keupayaan Keusahawanan Mahasiswa

	Kemahiran dalam pengurusan kewangan .....	Tinggi	Frekuensi(%) Sederhana	Rendah	Min	Sis Pi
1	Memotivasikan saya untuk menjadi seorang usahawan.	156 (65.5%)	67 (28.2)	15 (16.3%)	3.71	0
2	Memberi kemahiran dalam penyediaan laporan kewangan.	187 (78.5%)	43 (8.1%)	8 (10.5%)	3.86	0
3	Memberi kemahiran dalam mentafsir laporan kewangan dengan baik.	188 (79%)	40 (16.8%)	10 (4.2%)	3.95	0
4	Memberi kemahiran dalam mengemaskini rekod kewangan.	194 (81.5%)	36 (15.1%)	8 (3.3%)	4.17	2
5	Memberi kemahiran dalam mengira untung kasar dan bersih.	203 (85.2%)	27 (11.3%)	8 (3.3%)	4.37	3
6	Memberi kemahiran untuk mengutip akaun belum terima	165 (69.3%)	65 (27.3%)	8 (3.3%)	3.95	2
7	Memberi kemahiran untuk menyediakan rekod pendapatan dan perbelanjaan harian.	199 (83.6%)	34 (14.3%)	5 (2.1%)	4.04	0
8	Memberi kemahiran dalam menyediakan penyata aliran tunai.	174 (81.5%)	38 (16%)	6 (2.5%)	3.98	0
9	Memberi kemahiran untuk mengurus modal kerja.	182 (76.5%)	46 (19.3%)	10 (4.2%)	3.85	0
10	Memberi kemahiran untuk mengawal pusinganti inventori.	162 (68.1%)	70 (29.4%)	6 (2.5%)	3.75	0
11	Memberi kemahiran untuk menyediakan belanjawan.	206 (86.7%)	28 (11.8%)	4 (1.6%)	4.04	0
12	Memberi kemahiran dalam mengurus kewangan.	207 (86.9%)	27 (11.3%)	4 (1.7%)	4.08	0
13	Memberi kemahiran dalam menyediakan rancangan pasaran.	164 (68.9%)	64 (26.9%)	10 (4.2%)	3.76	0
14	Memberi kemahiran dalam mengira harga produk.	192 (80.6%)	40 (16.8%)	6 (2.5%)	3.96	0

## PERBINCANGAN

### Pengurusan Kewangan Dan Keupayaan Keusahawanan Mahasiswa

#### *Pengurusan Kewangan*

Tingkah laku individu akan mempengaruhi kesejahteraan kewangan mereka (Neha dan Shveta, 2018). Kajian lepas mendapati tahap literasi yang tinggi di kalangan pengguna mempengaruhi kemahiran

pengurusan kewangan mereka (Klapper et al., 2012, Bucher-Koenen et al., 2016). Namun, hasil analisis mendapati kemahiran pengurusan kewangan responden mahasiswa berada pada tahap sederhana.

Dari aspek perbelanjaan, didapati majoriti responden menyenaraikan barang yang hendak dibeli sebelum membuat pembelian. Tindakan ini merupakan satu langkah yang bijak dalam memastikan pengurusan kewangan peribadi yang baik di kalangan pengguna sebelum berbelanja. Sebahagian besar responden (74.8%) juga bersetuju bahawa mereka perlu berbelanja

JADUAL 5. Susunan 'min' Keupayaan Keusahawanan Mengikut Kepentingan

	Keupayaan Keusahawanan Kemahiran dalam pengurusan kewangan	Min	Sisihan Piawai
1	Memberi kemahiran dalam mengira untung kasar dan bersih.	4.37	3.72
2	Memberi kemahiran dalam mengemaskini rekod kewangan.	4.17	2.69
3	Memberi kemahiran dalam mengurus kewangan.	4.08	0.65
4	Memberi kemahiran untuk menyediakan rekod pendapatan dan perbelanjaan harian.	4.04	0.69
5	Memberi kemahiran untuk menyediakan belanjawan.	4.04	0.65

JADUAL 6. Korelasi Antara Pengurusan Kewangan dan Keupayaan Keusahawanan Mahasiswa

		Kemahiran Pengurusan Kewangan	Keupayaan Keusahawanan
Amalan Pengurusan Kewangan	Pearson Correlation	1	.594**
	Sig. (2-tailed)		.003
	N	238	238
Keupayaan Keusahawanan	Pearson Correlation	.594**	1
	Sig. (2-tailed)	.003	
	N	238	238

\*\* . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

pada perkara yang penting dan mengikut keperluan supaya tidak terlebih berbelanja. Mengikut Agarwalla et al., (2013), pengguna yang memiliki kemahiran pengurusan kewangan akan melihat kemampuan mereka sebelum membeli sesuatu produk.

Mahasiswa bersetuju bahawa sebelum berbelanja pada sesuatu perkara, mereka akan mengenal pasti dahulu keutamaan untuk melakukan perbelanjaan, mendapat maklumat awal tentang sesuatu barangan serta menyemak baki wang yang ada di tangan dan di dalam akaun sebelum dan selepas berbelanja. Selain itu, lebih separuh responden (65.5%) berbelanja dengan melihat tahap kemampuan mereka dahulu sebelum berbelanja. Atkinson dan Messy (2012) dan Agarwalla et al., (2013) menyatakan individu yang berkemahiran dalam pengurusan kewangan cenderung merancang dan memantau belanjawan isi rumah dan kewangan peribadi mereka.

Dari konteks insurans, dapatan menunjukkan lebih dari separuh dari mahasiswa yakin dengan instrumen insurans untuk kesejahteraan keluarga

dan mendapat kehidupan yang lebih diyakini di masa hadapan. Dapatan ini selaras dengan pernyataan Remund (2010) dan Bucher-Koenen et al., (2016) bahawa individu dengan kemahiran pengurusan yang baik akan membuat keputusan yang bijak. Dari sudut pembayaran hutang, mahasiswa bersetuju bahawa hutang perlu diselesaikan pada kadar segera dan bil perlu dibayar tepat pada masanya kerana menepati janji untuk membayar hutang adalah penting untuk dilakukan oleh setiap pengguna. Atkinson dan Messy (2012) menjelaskan antara kriteria individu yang mahir dalam pengurusan kewangan adalah mereka yang menguruskan dan mengawal perbelanjaannya dengan baik.

Dari segi melakukan perbelanjaan untuk barangan akademik dan barangan peribadi di kalangan mahasiswa, mahasiswa mendahulukan perbelanjaan akademik (buku, alat tulis, dan lain-lain) dan diikuti perbelanjaan peribadi dan amalan ini berada di tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan amalan pengurusan kewangan yang baik di kalangan mahasiswa

kerana mendahulukan perbelanjaan akademik berbanding peribadi. Walaubagaimanapun, mahasiswa bersetuju bahawa mereka cenderung berbelanja mengikut minat/kesukaan serta membuat pembelian yang banyak sewaktu jualan murah. Kecenderungan ini perlu dikawal kerana ia merupakan amalan pengurusan kewangan yang berisiko kerana pembelian sewaktu jualan murah boleh mengakibatkan pengguna menggunakan pendapatan melebihi dari sepatutnya. Hal ini ditegaskan oleh Klapper et al., (2012) iaitu generasi muda perlu mengawal kecenderungan untuk berbelanja barangan yang tidak diperlukan.

#### Kemahiran Pengurusan Kewangan dan Keupayaan Keusahawanan Mahasiswa

Umum mengetahui bahawa keusahawanan memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara dan dunia (Studdard et al., 2013). Generasi muda ketika ini turut peka bahawa keusahawanan merupakan satu mekanisme penting dalam menjana sumber ekonomi kepada kehidupan individu dan keluarga (Gerber, 2012). Statistik menunjukkan satu per tiga daripada usahawan baharu adalah mereka yang berumur di bawah 30 tahun (Kuratko, 2004). Situasi ini menunjukkan percambahan usahawan di kalangan generasi muda dan merupakan satu perkembangan yang positif. Keusahawanan meliputi disiplin ilmu yang pelbagai dan merangkumi bidang perniagaan dan bukan perniagaan (Kuratko, 2004). Kursus-kursus keusahawanan ditawarkan di peringkat universiti namun bilangannya masih terhad dan kebanyakan kursus hanya ditawarkan oleh fakulti perniagaan (Neck dan Greene, 2011). Oleh yang demikian, institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam membangunkan ciri-ciri keusahawanan di kalangan mahasiswa.

Analisis kajian berkaitan hubungan antara kemahiran pengurusan kewangan dengan keusahawanan memaparkan mahasiswa IPTA mempunyai keupayaan keusahawanan di tahap tinggi. Kemahiran dalam pengurusan kewangan boleh dicapai sekiranya individu mempunyai literasi kewangan yang baik. Oleh itu, pendidikan berkaitan kewangan perlu dipupuk dari peringkat universiti lagi (Neck dan Greene, 2011). Pihak universiti perlu berupaya membangunkan kemahiran kewangan dan keusahawanan di kalangan mahasiswa sejak awal lagi (Neck dan Greene, 2011). Kajian mendapati kemahiran dalam pengurusan kewangan mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan keupayaan keusahawanan di kalangan responden mahasiswa. Seramai 65.5% responden menyatakan kemahiran dalam pengurusan kewangan

memotivasikan mereka untuk menjadi seorang usahawan.

Mahasiswa memaklumkan bahawa pengetahuan dalam kewangan membantu dalam memberi kemahiran kepada usahawan dalam penyediaan laporan kewangan (78.5%). Didapati juga sebahagian besar responden (79%) mengakui menerusi pengetahuan kewangan yang baik memberi kemahiran dalam mentafsir laporan kewangan dengan baik. Dapatan ini juga selari dengan kajian Klapper et al., (2015) di mana kajian tersebut menunjukkan literasi kewangan memberi pengaruh yang signifikan terhadap pembangunan pelajar menjadi seorang usahawan dengan magnitud antara 14-32 peratus. Menurut Neck dan Greene (2011) pendidikan kewangan boleh membantu usahawan untuk menangani kegagalan, membuat keputusan dengan baik dan mencapai kesejahteraan kewangan dan kehidupan.

Kajian ini turut mendapati majoriti responden iaitu 81.5% menyatakan kemahiran dalam pengurusan kewangan memberi kemahiran kepada usahawan dalam mengemaskini rekod kewangan. Sebahagian besar responden (85.2%) juga bersetuju bahawa pengetahuan kewangan yang baik mampu memberi kemahiran dalam mengira untung kasar dan bersih. Walaubagaimanapun, dari aspek kemahiran untuk mengutip akaun belum terima hanya 69.3% responden sahaja yang mengiakkannya. Menurut Klapper et al., (2015) kemahiran pengurusan kewangan membantu usahawan dari aspek pendapatan, simpanan, perancangan kecemasan dan tabungan masa hadapan. Malahan literasi kewangan turut mempengaruhi penilaian usahawan untuk mengambil hutang dan berkadar dengan kadar hutang yang lebih rendah bagi usahawan yang mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi (Huber, Sloof dan Van Graevenits, 2010).

Jika ditinjau berkaitan aspek pengetahuan berkaitan penyediaan penyata pendapatan, majoriti responden bersetuju bahawa kemahiran dalam pengurusan kewangan membantu usahawan dalam menyediakan rekod pendapatan dan perbelanjaan harian (83.6%). Seramai 81.5% mahasiswa juga bersetuju bahawa pengetahuan kewangan akan memberi usahawan kemahiran yang tinggi dalam menyediakan penyata aliran tunai. Kajian turut mendapati seramai 76.5% responden percaya bahawa pengetahuan kewangan memberi kemahiran untuk mengurus modal kerja dan mengawal pusing ganti inventori. Seperti yang disarankan oleh Heckman, (2006) usahawan memerlukan kemahiran pengurusan kewangan yang baik kerana ia memberi kesan positif kepada aspek perniagaan dari aspek pendapatan, perbelanjaan, penentuan risiko, kewangan dan pelaburan.

Dari aspek penyediaan belanjawan, majoriti

responden (86.9%) bersetuju bahawa kemahiran dalam menyediakan belanjawan berpunca dari literasi kewangan yang baik. Pengetahuan kewangan secukupnya di kalangan mahasiswa boleh diterapkan melalui kurikulum pendidikan di institusi pendidikan tinggi di mana pelajar menyambung pengajian (Neck dan Greene, 2011). Seperti yang disarankan oleh Studdard et al., (2013) supaya diberi penekanan tentang tanggung jawab institusi pengajian tinggi untuk memainkan peranan penting sebagai pusat pendidikan yang memberikan bimbingan kewangan kepada mahasiswa. Selain itu, seramai 68.9% responden yakin bahawa kemahiran dalam menyediakan rancangan pasaran juga dapat dicapai sekiranya usahawan memiliki tahap literasi kewangan yang tinggi. Data yang diperolehi turut memaparkan 80.6% responden bersetuju bahawa kemahiran dalam pengurusan kewangan memberi kemahiran kepada usahawan dalam mengira harga produk. Hal ini disetujui oleh Fairlie dan Woodruff (2010) bahawa kemahiran pengurusan kewangan membantu usahawan dalam rancangan perniagaan dan menjana modal dengan baik.

## KESIMPULAN

Kajian ini meneliti pelbagai konsep berkaitan pengurusan kewangan dan keupayaan keusahawanan mahasiswa setelah melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi. Dengan perkembangan dalam sistem ekonomi, perniagaan dan pembangunan masyarakat, penekanan perlu diberikan kepada keusahawanan dan kemahiran pengurusan kewangan. Oleh itu, sistem pendidikan di Malaysia perlu ditambahbaik bagi membangun kemahiran ini.

Kajian mendapati memiliki literasi kewangan yang baik di kalangan generasi muda merupakan elemen yang penting dapat mencapai kesejahteraan hidup di masa hadapan. Hal ini kerana literasi kewangan yang baik membantu kepada pemantapan kemahiran pengurusan kewangan. Mahasiswa yang memiliki tahap literasi kewangan yang tinggi cenderung mempunyai kemahiran dalam menguruskan kewangan dengan baik selanjutnya memberi kesan positif kepada pembangunan keusahawanan. Keupayaan dalam menjalankan perniagaan dengan baik sangat memerlukan kemahiran dalam pengurusan kewangan di kalangan usahawan. Usahawan perlu memantapkan diri mereka dengan ilmu kewangan bagi mencapai kejayaan dalam perniagaan mereka.

Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan ilmu pengetahuan dan maklumat yang bermakna bagi menangani kekurangan

yang wujud dalam kurikulum pendidikan di institusi pengajian tinggi masa kini. Dapatan kajian dapat digunakan sebagai sumber maklumat bagi memperbaiki keberkesanan kurikulum pendidikan serta proses penyampaian kurikulum. Pihak-pihak berkaitan seperti badan kerajaan, pihak industri dan NGO dapat menggunakan maklumat yang diperoleh bagi memperbaiki keupayaan sistem pendidikan negara dalam melahirkan modal insan berkualiti, berkemahiran tinggi dan berminda kelas pertama seperti yang dihasratkan dalam RMK-10.

## LIMITASI DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini memberi fokus kepada pelajar perakaunan di tahun akhir pengajian dari 4 buah IPTA di Perak, Kedah, Johor dan Pulau Pinang sahaja. Oleh itu, dapatan kajian ini adalah terbatas kepada sampel yang dikaji dan tidak dapat digeneralisasikan dalam konteks yang lebih luas. Selain itu, kertas ini mengemukakan beberapa cadangan bagi melaksanakan kajian lanjutan dalam bidang dikaji bagi mendapatkan data yang lebih mendalam. Kajian lanjutan dicadangkan dilakukan dengan melibatkan mahasiswa dari IPTA dan IPTS dari seluruh Malaysia. Penglibatan lebih ramai mahasiswa berupaya memberi dapatan yang lebih jelas dan tepat tentang keperluan mahasiswa terhadap kemahiran pengurusan kewangan dan daya keusahawanan yang diperlukan. Berikutnya, kajian menyarankan supaya perspektif para pensyarah dan pihak industri turut diambil kira supaya pemahaman terhadap keperluan kemahiran pengurusan kewangan dan keusahawanan adalah lebih mendalam dan bermakna. Pengkaji mencadangkan supaya kajian lanjutan diadakan secara kualitatif menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian untuk mendapatkan data yang lebih mendalam. Dengan ini, input daripada kajian dapat digunakan untuk menambahbaik kurikulum pendidikan di universiti dan program-program luar dengan pihak NGO dan industri berkaitan keusahawanan dan pengurusan kewangan juga boleh dijalankan supaya dapat membantu mahasiswa menghadapi masa hadapan dengan lebih baik.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah dibiayai oleh geran penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (2017-0155-106-01).

## RUJUKAN

- ANZ. 2008. ANZ survey of adult financial literacy in Australia. Roy Morgan Research
- BALLENGER, B., 2017.10 Money Mistakes That Everybody Makes. BUSINESS INSIDER. Diperoleh pada February 22, 2017 daripada [http://articles.businessinsider.com/2017-007/news/31605305\\_1\\_retirement-plan-student-loans-mistakes](http://articles.businessinsider.com/2017-007/news/31605305_1_retirement-plan-student-loans-mistakes).
- Agarwalla, S.K., Barua, S.K., Jacob, J. & Varma, J.R. 2013. Financial literacy among working young in urban India. *IMA Working Paper*. No. 2013-10-02: 1-27.
- Ahmad, N. L. & Mohd Rhouse, S. 2016. Professional skills of accounting graduates: gap between employer expectations and student needs in accounting curricula. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 41(1): 7-17.
- Ahmad, N. L., Yusof, R., Ahmad, A. S., & Ismail, R. 2019. The importance of financial literacy towards entrepreneurship intention among university Students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 9(9): 18-39.
- Ahsan, M. H. 2013. Financial literacy research on undergraduate students in Malaysia: Current literature and research opportunities. *International Journal of Education and Research* 1(11): 2-7.
- Akca, N., Sonmez, S., Sener, T., & Akca, C. 2018. An evaluation of the effect of financial literacy education on financial literacy among college students. *International Journal of Humanities and Social Science* 8(8): 152-158.
- Al Mamun, A., Binti Che Nawi, N., Dewiendren, A., & Fazira Binti Shamsudin, S. 2016. Examining the effects of entrepreneurial competencies on students' entrepreneurial intention. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 7(2): 119-125.
- Alberdy, M., & Gharleghi, B. 2015. Determinants of the financial literacy among college students in Malaysia. *International Journal of Business Administration* 6(3): 15-22.
- Ary, D., Jacobs, L., Sorensen, C. & Walker, D. 2014. Introduction to Research in Education. Ninth Edition. Cengage Learning.
- Atkinson, A. & Messy, F.A. 2012. Measuring financial literacy: results of the OECD/international network on financial education (INFE) pilot study. *Working Papers on Finance, Insurance and Private Pensions*. No. 15, 1-73.
- AKPK. 2016. Kadar mufliis golongan muda di Malaysia merisaukan. <https://akpk.org.my/my/pengurusan-kredit>.
- Barodich, S., Deplazes, S., Kardash, N & Kovzik, A. 2010. Comparative analysis of the levels of financial literacy among students in the U.S., Belarus and Japan. *Journal of Economics and Economic Education Research* 11(3): 71-86.
- Bartley, J. 2011. What drives financial literacy among the young undergraduate? *Economic Review* 7(1): 1-15.
- Bernheim, B. D. 1998. Financial illiteracy, education and retirement saving. University of Pennsylvania Press, Philadelphia: 38-68.
- Brown, M & Graf, R. 2013. Financial literacy, household investment and household debt: Evidence from Switzerland. *Working papers on Finance* No. 13/1. Swiss Institute of Banking and Finance.
- Brown, R., Berman, Saunders, M & Beresford, R. 2006. You owe it to yourself: The financially literate manager. *Accounting Forum* 30(2): 197-191.
- Bucher-Koenen, T., Lusardi, A. & Alessie, R. J. 2016. How financially literate are women? An overview and new insights. *GFLEC Working Paper*. No 2016-1: 1-37.
- Chaterjee S. 2013. Borrowing decisions of credit constrained consumers and the role of financial literacy. *Economic Bulletin* 33(1): 179-191.
- Chinen K. & Endo H. 2012. Effect of attitude and background on personal financial ability: a student survey in the United States. *International Journal of Management* 29 (1): 33-45.
- Cole, S., Paulson, A. & Shastry, G.K. 2014. Smart money: the effect of education on financial behavior. *Harvard Business School Finance Working Paper*. No. 9-71.
- Dahlia, I., Rabitah, H. & Zuraidah, M. I. 2009. A study on financial literacy of Malaysian degree students. *Cross-cultural Communication* 5(4): 51-59.
- Garman, E.T. & Forgue, R. 2010. *Personal finance*. Cengage Learning.
- Gallery, N., Gallery, G., & Brown, K. 2011. Financial literacy and pension investment decision. *Financial Accountability and Management* 27(3): 286-307.
- Habib, A. 2015. Entrepreneurship development and financial literacy in Africa. *World Journal of Entrepreneurship, Management and Sustainable Development*.
- Herd, P., Holden, K. & Su, Y.T. 2012. The links between early-life cognition and schooling and late-life financial knowledge". *The Journal of Consumer Affairs* 46 (3): 411-435.
- Hira, T. & Loibl, C. 2005. Understanding the impact of employer-provided financial education and workplace satisfaction. *Journal of Consumer Affairs* 39 (Summer): 173-194.
- Huseyin, Y. 2011. Improving financial literacy: the US experience. *International journal of Business and Social Science* 2(11): 65-72.
- Huston, S.J. 2010. Measuring financial literacy. *The Journal of Consumer Affairs* 44(2): 296-316.
- Jump\$tart Coalition for Personal Financial Literacy (2007). *National standards in K-12 personal finance education* (3rd Edition). Washington DC.
- Klapper, L., Lusardi, A. & Panos, G. A. 2015. Financial literacy and entrepreneurship. GFLE Global Financial Literacy Excellence Center. *Working Paper Series*. 2015-3.
- Kuratko, D. 2004. The emergence of entrepreneurship education: Developments, trends, and challenges. *Entrepreneurship Theory and Practices*. 577-597.
- Lusardi, A. & Tufano, P. 2008. Debt literacy, financial experiences and overindebtedness. *NBER Working Paper* 14808.

- Lusardi, A. & Mitchell O.S, 2011. Financial literacy and retirement planning in the United States. *Journal of Pension Economics and Finance* 14(4): 332-368.
- Mandell, L. & Klein, L.S. 2009. The impact of financial literacy education on subsequent financial behavior. *Journal of Financial Counseling and Planning* 20(1): 15-24.
- Mohamad Fazli, S. 2011. Pathways to financial success: Determinants of financial literacy and financial well-being Among Young Adults. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. United States: Iowa State University.
- Mohamad Fazli, S. & Teo, T. J. 2014. The influence of financial literacy, saving behaviour, and financial management on retirement confidence among women working in the Malaysian public sector. *Asian Social Science* 10(14): ISSN 1911-2017. E-ISSN 1911-2025.
- Mohamad Fazli, S., Jariah, M., Laily, P., Mohd Amim, O. & Nurkhalila, N. 2007. Kajian keteguhan kewangan di kalangan belia. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPBBBM).
- Neck, H. & Greene, P. 2011. Entrepreneurship education: Known worlds and new frontiers. *Journal of Small Business Management* 49 (1): 55-70.
- Neuman W.L (2012). *Understanding Research Canada*. Prentice Hall Publisher.
- Noor Azizah, S., Nurfadhilah, A.H., Ramesh Kumar, M.H.M., & Mior Ahmad Jafri, M.S. 2013. Financial literacy: A study among the university students. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research Business* 5(2): 2-7.
- Organization for Economic Co-operation and Development. OECD. (2005). *Improving Financial Literacy: Analysis of Issues and Policies*. OECD Publishing. Paris.
- Oseifuah, E. K. 2010. Financial literacy and youth entrepreneurship in South Africa. *African Journal of Economic and Management Studies* 1(2): 164 – 182.
- Pallant, J. 2013. *SPSS Survival Manual: A Step-by-Step Guide to Data Analysis Using IBM SPSS*. 6<sup>th</sup> Edition. Mc Graw Hill. Open University Press.
- Plakalovic, N. 2012. Financial literacy and resultant stability of the finance system. *Zbornik Radova Ekonoskog Fakulteta Istocno Sarajevo* 6:135-144.
- Remund, D.L. 2010. Financial literacy explication: The case for a clearer definition in an increasingly complex economy. *The Journal of Consumer Affairs* 44: 276-295.
- Rubayah, Y, Hawati, J & Nur Ain, K. 2015. Tahap Literasi Kewangan Dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam: Kajian Di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* 18(1): 97-116.
- Te, S. T., Abdullah, A. & Mat Rashid, A. 2019. Pengaruh faktor terpilih terhadap aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej komuniti. *Akademika* 89(3): 41-52
- Sreejesh, S., Mohapatra, S., & Anusree, M.R. 2014. *Introduction to Business Research in Business Research Method*. Springer International Publishing.
- Studdard, N.L., Dawson, M. & Jackson, N. L. 2013. Fostering entrepreneurship and building entrepreneurial self-efficacy on primary and secondary education. *Versita*. DOI: 10.2478/v10212-011-0033-1.
- Sucuahi, W. T. 2013. Determinants of financial literacy of micro entrepreneurs in Davao City. *International Journal of Accounting Research* 1(1): 23-40.
- Suparno, K. & Saptono, A. 2018. Entrepreneurship education and its influence on financial literacy and entrepreneurship skills in college. *Journal of Entrepreneurship Education* 21(4): 13-20.
- U.S. House of Representatives, Financial Services Committee. 2009. Regulatory restructuring: Enhancing consumer financial products regulation.
- van Rooij, M.C., Lusardi A. & Alessie, R.J. 2009. Financial literacy and stock market participation. *Journal of Financial Economics* 101(2): 449-472.
- van Rooij, M.C., Lusardi A. & Alessie, R.J. 2011. Financial literacy and retirement planning in the Netherlands. *Journal of Economic Psychology* 32(4): 593-608.
- Vodă, A. L., & Florea, N. 2011. Impact of personality traits and entrepreneurship education on entrepreneurial intentions of business and engineering students. *Sustainability, MDPI, Open Access Journal* 11(4): 1-34.
- Wagland S.P & Taylor S. 2009. When it comes to financial literacy, is gender really an issue. *The Australian Accounting Business & Finance Journal* 3(1): 13-25.
- Wise, S. 2013. The impact of financial literacy on new venture survival. *International Journal of Business and Management* 8(23): 30-39.
- Zaidatol, A.L.P & Habibah, E. 2004. Keupayaan usahawan bumiputera melaksanakan kemahiran keusahawanan: Satu kajian kes. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum* 12(1): 61-70.
- Zikmund, W.G., Babin, B.J., Carr, J.C. & Griffin, M. 2013. *Business Research Methods*. Cengage Learning.

Noor Lela binti Ahmad\* & Nadiah Farhanah binti Mohd Fazil  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi,  
Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjung Malim, Perak D.R., Malaysia.

\*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: noor.lela@fpe.upsi.edu.my

Diserahkan: 26 Mac 2021  
Diterima: 26 Mac 2021